

14 MAR 2002

Mahathir-Globalisasi/I

MALAYSIA MAHU SEMUA PANDANGAN DIDENGAR BAGI EKONOMI GLOBAL

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

MOSCOW, 14 Mac (Bernama) -- Institusi antarabangsa harus mempunyai mekanisme untuk membolehkan pandangan semua pihak didengar bagi menggubal order ekonomi global, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Genoa, Itali baru-baru ini yang dicemari dengan demonstrasi jalanan jelas menunjukkan tentang perlunya pembabitkan semua pihak dalam proses membuat keputusan.

"Untuk mengawal rentak dan hala tuju liberalisasi dan globalisasi, negara-negara membangun harus dibenar menyertai secara berkesan dalam proses membuat keputusan dalam semua institusi antarabangsa," kata beliau pada Forum Perniagaan Malaysia-Rusia di Hotel Radisson Slavjanskaya di sini hari ini.

Dr Maharhir yang berucap atas tajuk "Globalisation Towards A Fair and prosperous World" mengulangi pendirian bahawa Malaysia tidak menentang globalisasi.

"Tetapi kita mahu memastikan bahawa negara membangun boleh mendapat faedah daripada hasil globalisasi," kata beliau pada forum itu yang dihadiri oleh kira-kira 300 ahli perniagaan dari Rusia dan Malaysia.

Forum itu bertujuan mempertemukan sektor swasta dari kedua-dua diadakan sempena lawatan rasmi Dr Mahathir selama tiga hari ke Rusia.

"Kita memerlukan proses liberalisasi dan globalisasi untuk membolehkan rakyat terutama di negara membangun mendapat manfaat.

"Ketamakan tidak perlu kerana dunia cukup kaya dengan sumber asli dan kemanusiaan," kata Dr Mahathir yang mengadakan rundingan dengan Presiden Rusia Vladimir Putin di Kremlin sebelum berucap pada forum itu.

Dr Mahathir menyaksikan majlis pemeteraian Perjanjian Kerjasama Kewangan antara Export-Import Bank of Malaysia Bhd (Eximbank), anak syarikat milik penuh Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad dan Vneshtorgbank oleh pengerusinya Yuri Ponomarev.

Perjanjian itu memberi tumpuan kepada pembiayaan jangka pendek, sederhana dan jangka panjang serta jaminan oleh Eximbank kepada Vneshtorgbank, pelanggannya dan konsortium bank-bank Rusia untuk mempermudah eksport barangan dan perkhidmatan Malaysia ke Rusia.

Malam ini, Dr Mahathir akan menemui pelajar Malaysia bagi mengakhiri jadual ketat pada hari kedua lawatan.

Esok, beliau akan melawat Shemyakin-Ovchinnikov Institute of Bio-organic Chemistry Centre sebelum berunding dengan rakan sejawatannya dari Rusia Mikhail Kasyanov.

Beliau kemudian akan ke Masjid Mira untuk menunaikan sembahyang Jumaat dan selepas itu melawat Institut Penerbangan Zhukovsky untuk mendengar taklimat dan menyaksikan demonstrasi penerbangan pesawat Sukhoi 30.

-- BERNAMA

AZZ FAZ